

UNSUR KETUHANAN DI DALAM LIRIK LAGU

Sabariah Jamaluddin^{1*}, Noor Hasimah M Yacob², Nor Hawani Wan Abdul Rahman³, Lily
Mazlifa Mustafa⁴, Anis Barieyah Mat Bahari⁵

¹⁻⁵*Faculty of Accountancy, Universiti Teknologi MARA Pahang, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang,
Malaysia*

sabariahj@pahang.uitm.edu.my
noorhasimah@pahang.uitm.edu.my
norhawani@pahang.uitm.edu.my
lilymazlifa@pahang.uitm.edu.my
anisbarieyah@pahang.uitm.edu.my

Abstrak: Lagu memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Oleh itu, medium ini boleh diangkat sebagai satu mekanisme dalam menyampaikan mesej dakwah. Penggunaan lirik dalam sesuatu karya lagu yang mempunyai unsur-unsur ketuhanan memainkan peranan yang sangat penting. Kertas kerja ini berbentuk kertas kerja konsep yang membincangkan tentang lirik lagu bukan nasyid yang mempunyai unsur ketuhanan. Lagu selain daripada lagu nasyid dipilih kerana penulis ingin melihat sejauh mana karya lagu tersebut mengandungi unsur-unsur ketuhanan. Selain itu, tujuan kertas kerja ini dibuat agar masyarakat lebih menghargai karya lagu yang mengandungi unsur ketuhanan walaupun tidak dinyanyikan oleh penyanyi nasyid. Di antara lirik lagu yang dipercayai mempunyai unsur ketuhanan adalah seperti Suci dalam Debu, Keinsafan, Bila diri ini disayangi, Sufi dan lain-lain lagi. Unsur ketuhanan yang dinyanyikan dilihat daripada tiga aspek utama iaitu unsur akidah, akhlak dan ibadah. Hasil perbincangan menunjukkan bahawa lirik lagu yang menyuntik unsur ketuhanan dalam karya lagu mempunyai nilai seni yang tertentu kerana membawa mesej dakwah kepada para pendengar. Namun sikap masyarakat yang enggan menghayati maksud di sebalik lirik lagu yang disampaikan, menjadikan lagu itu sekadar siulan hiburan semata-mata.

Kata kunci: lagu bukan nasyid, lirik lagu, unsur ketuhanan

Pengenalan

Muzik pada dasarnya dianggap sebagai satu bentuk bahasa yang mudah diterima dan menjadi sebahagian daripada masyarakat. Oleh kerana sifat muzik yang mudah diingat dan dihafal, diharapkan lirik-lirik lagu yang mengandungi unsur-unsur Islam mampu dihayati oleh masyarakat secara umumnya (Lovian 2019). Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, lirik didefinisikan sebagai seni kata dalam sesebuah lagu. Lirik lagu merupakan kumpulan kata-kata yang disusun untuk mewakili curahan dari pemikiran, renungan atau pembelajaran penulis lirik dengan tidak atau adanya iringan alat muzik (Arrazzaqu 2017; Burhanudin 2009). Oleh kerana lirik lagu memainkan peranan yang sangat penting, ianya perlu menjadi medan dalam menyampaikan mesej kepada pendengar. Oleh itu, lirik lagu adalah pengertian yang bukan sahaja muncul daripada bahasa yang disusun dan digunakan, bahkan mempunyai perkaitan dengan bentuk pemikiran penulis lirik lagu tersebut. Kebiasaannya, lirik lagu memperlihatkan luahan cinta terhadap kekasih, namun begitu perasaan cinta bukan sahaja terbatas untuk orang yang dicintai malahan merangkumi semua subjek dan objek yang berada di sekeliling kita terutamanya cinta yang paling mulia iaitu cinta kepada Tuhan (Mad Daud dan Hamid 2017). Ekoran itu, penulis lirik mempunyai tanggungjawab untuk menghasilkan lirik-lirik lagu yang pada akhirnya membawa pendengar kepada cinta Yang Maha Suci.

Di Malaysia, penghasilan lirik lagu yang membawa unsur ketuhanan mungkin boleh dibahagikan kepada dua iaitu lagu nasyid dan lagu bukan nasyid. Lagu nasyid biasanya dikaitkan dengan unsur ketuhanan/kerohanian kerana menurut Sanusi dan Mohamed (2017) ianya mempunyai hubungan dengan dakwah. Namun begitu terdapat juga lagu bukan nasyid yang dipercayai mempunyai unsur ketuhanan (Mustapha dan Mubarak 2006). Unsur ketuhanan atau kerohanian ini dilihat daripada mesej yang disampaikan dalam lirik lagu tersebut. Secara umumnya, unsur ketuhanan dalam skop perbincangan ini merupakan lirik lagu yang terhasil yang mana mesejnya adalah mengajak manusia ke arah kebaikan dan tidak membawa mesej berputus asa daripada rahmat Allah SWT (Ismail 2017). Oleh

itu, unsur ketuhanan ini dikatakan sebagai satu mesej dakwah yang disampaikan melalui lagu tanpa mengambil kira siapa yang menyanyikan lagu tersebut.

Peranan lirik lagu dalam menyampaikan mesej dakwah

Dakwah dan seni merupakan satu usaha untuk mempengaruhi seseorang dalam bertindak dan berkelakuan (Haryanto 2008). Menurut Arrazzaqu (2017), dakwah adalah usaha yang dilakukan seseorang untuk mengajak manusia ke jalan menuju redha Allah SWT. Ianya bertujuan untuk memperbaiki keadaan supaya menjadi lebih baik dan mengajak manusia menuju kebahagiaan dunia dan akhirat. Walaupun lagu bukan nasyid secara keseluruhannya mungkin tidak boleh dianggap sebagai satu bentuk dakwah, tetapi penggunaan lirik lagu yang secara terang atau tersembunyi mengaitkan hubungan manusia dengan Pencipta sudah pasti memberi mesej dakwah kepada pendengar. Ini kerana kekuatan dan keharmonian daripada lirik lagu dapat mempengaruhi pendengar secara emosi (Samsuri 2016). Namun begitu, kadangkala penampilan dan genre muzik yang dibawa oleh penyanyi bukan nasyid ini mengaburi mesej dakwah yang terdapat dalam lirik lagu tersebut.

Di Malaysia, lirik lagu yang membawa mesej dakwah dapat dilihat daripada pelbagai genre. Lagu-lagu seperti “Anugerah” oleh Wings dan Raihan, “Perjalanan Hidup” oleh Ramli Sarip, “Tetamu Senja” oleh Koprata dan “Tanya Sama Itu Hud Hud” oleh M Nasir mempunyai mesej dakwah yang cukup baik kepada pendengar. Bahkan kumpulan *Heavy Metal* iaitu *D’Cromok* menggunakan kata-kata ‘*In the name of Allah with most merciful*’ dalam lagu Malik bin Dinar. Malahan, lirik lagu nyanyian Rahimah Rahim yang berbunyi “Selawat serta salam, buat Nabi junjungan kepada muslimin dan muslimat, Ya Allah Ya Tuhanku aku mendengar seruan dan hanya kepadaMu ku beriman” yang berkonsepkan *slow rock* (Mustapha dan Mubarak 2006).

Manakala, penyanyi seperti M.Nasir misalnya menyelitkan unsur dakwah dalam lagu puisinya berjudul Andalusia, dimana lagu itu menceritakan kemahsyuran kerajaan Islam Andalusia dan diakhiri dengan doa yang *berbunyi* "antal hadi antal haqqu, laisal hadi illa hu." yang bermaksud "Engkaulah (Allah) Yang Maha Petunjuk dan Engkaulah (Allah) Yang Maha Benar, tiada yang boleh memberi petunjuk selain daripada Dia (Allah)" (Sharif 2018). Selain itu, lagu yang dibawa oleh kumpulan *rock* Amuk “Aku Mahu Pulang” turut memberi pengajaran kepada pendengar dengan liriknya ‘Gelap malam pasti terang, sang mentari pasti datang, kesesatan perjalanan, rahmat Tuhan menentukan,’ yang meletakkan pengharapan kepada rahmat Allah SWT dalam kehidupan (Ismail 2017).

Unsur dakwah dalam lagu berdasarkan kajian lalu

Dalam membicarakan unsur dakwah dalam lirik lagu, terdapat kajian lalu (Aripudin dan Rizwan 2009; Haryanto 2008) yang membahagikan unsur dakwah ini kepada tiga iaitu unsur akidah, ibadah/ syariah dan akhlak. Unsur akidah melihat kepada aspek keimanan yang mana secara khusus mengaitkan tentang rukun iman. Menurut Aripudin dan Rizwan (2009), lagu “Tuhan” mempunyai lirik yang sarat dengan nilai-nilai akidah dengan mentauhidkan Tuhan, di mana Tuhan adalah segalanya, tempat meminta, tempat berlindung dan berhak dipuja. Unsur akhlak secara khususnya melihat kepada akhlak manusia kepada Allah SWT dan akhlak manusia sesama manusia. Malah unsur ini juga dilihat daripada aspek akhlak manusia secara peribadi iaitu sifat sabar, jujur, menepati janji serta amanah (Haryanto 2008). Manakala unsur ibadah/syariah pula menurut Aripudin dan Rizwan (2009) terdapat dalam lagu Perdamaian nyanyian kumpulan GIGI. Lagu ini memperkatakan tentang tragedi kemanusiaan, peperangan dan perdamaian dunia.

Jadual 1 Kajian-kajian lalu yang melihat kepada unsur dakwah dalam lirik lagu

Lagu	Unsur dakwah	Kajian
1. Bila tiba	Tentang kematian dan bertaubat kepada Allah atas segala dosa.	Pesan dakwah dalam lagu “bila tiba” oleh Sujatmiko dan El Ishaq (2015)

2.	Dia Maha Sempurna	Menekankan pesan tentang hakikat sifat kuasa Allah, terutama sifat Maha Melihat-Nya.	Analisis Isi Pesan Dakwah Dalam Lirik Lagu Grup Band Ungu Album “Maha Besar” oleh Arrazzaqu (2017)
	Hanya Kau	Menekankan nilai ketauhidan: mengesakan Allah, kesedaran akan kuasa Allah sebagai Sang Pencipta, dan kepentingan zikir, mengingat Allah agar tidak menyesal dan rugi.	
	Sementara	Penegasan tentang kedudukan Tuhan sebagai Al-Şomad, penekanan tentang hakikat kuasa Tuhan, dan pentingnya untuk selalu menyebut dan mengingat Allah.	
3.	Pengeran Cinta	Mengingati kematian walau dimana kita berada	Seni Muzik dalam Tasawuf Studi kasus terhadap lagu-lagu Dewa 19 pada album Laskar Cinta oleh Burhanuddin (2009).
	Hadapi dengan senyuman	Menekankan tentang keperibadian Rasulullah SAW	
4.	Tuhan	Lagu ini membicarakan tentang nilai-nilai akidah dengan mentauhidkan Tuhan, dimana Tuhan adalah segalanya, tempat meminta, tempat berlindung dan berhak dipuja.	Materi Dakwah Pada Grup Musik Non-Religi (Analisis Isi Pesan Dakwah Dalam Lirik Lagu Grup Band Gigi Pada Album Raihlah Kemenangan) Aripudin dan Rizwan (2009).
5.	SurgaMu	Menekankan hubungan hamba dan Sang Pencipta serta keinginan hamba untuk sentiasa dibimbing dan diberi petunjuk.	Isi Pesan Dakwah Dalam Lirik Lagu Album SurgaMu Group Band Ungu oleh Haryanto (2008).

Unsur ketuhanan dalam lirik lagu

Unsur ketuhanan dalam lirik lagu biasanya membawa mesej akidah dalam lagu. Kajian lalu (Lovian 2019; Ramadhani 2019; Arrazzaqu 2017; Aripudin dan Rizwan 2009) berjaya melihat mesej akidah dalam lirik lagu-lagu tersebut. Misalnya Arrazzaqu (2017) mendapati lagu “Hanya Kau” nyanyian kumpulan *band Ungu* membicarakan tentang ilmu tauhid yang menjadi tunggak utama dalam akidah. Malah, Lovian (2019) mendapati bahawa 52% lagu-lagu daripada tiga kumpulan indie yang dijadikan bahan kajian membicarakan tentang persoalan akhirat dan 41% membicarakan tentang keimanan. Ramadhani (2019) mendapati bahawa mesej akidah yang terdapat lagu “Tobat Maksiat” adalah ajakan taubat kepada Allah. Ini kerana apabila seorang manusia itu ingin bertaubat, hatinya perlu mempunyai keyakinan yang kuat kepada Allah SWT. Mesej yang sama juga disampaikan melalui lagu “keinsafan” nyanyian kumpulan Krabat dari Malaysia. Lagu ini mengungkai tentang penyerahan dan penyesalan seorang hamba kepada Tuhannya. Lirik lagu tersebut adalah seperti berikut:-

Oh Tuhanku Yang Maha Esa
Maha Pengasih Maha Penyayang
Andainya malam yang begini
Memberi pengertian untukku
Mencari hidayahMu
Akan kutadahkan setulus
Pengampuan dan pengharapan

Untuk aku menebus dosa-dosa semalam

Manakala, Haryanto (2008) pula melihat dua rangkap lirik dalam lagu Surgamu nyanyian kumpulan *band Ungu* membicarakan tentang mesej akidah. Kata-kata yang dipetik dalam lagu ini adalah seperti berikut:-

Jadual 2 Lirik lagu Surgamu

Lirik lagu	Unsur terkait akidah	Keterangan
“Segala yang ada dalam hidupku” “Ku sedari adalah milikMu”	Konsep tauhid (Iman kepada Allah) iaitu mempercayai adanya Allah serta KeesaanNya), tiada tuhan selain Dia.	Lirik lagu ini menjelaskan proses pemahaman akan kekuasaanNya yang meliputi seluruh alam serta isinya.
“Ku hanya hamba yang berlumur dosa”	Konsep taubat yang mana langkah pertamanya adalah penyesalan dan seterusnya mengakui kesalahan-kesalahan di hadapanNya.	Memberi pemahaman bahawa manusia tidak terlepas daripada melakukan kesalahan dan semoga ianya boleh dijadikan pedoman kepada manusia dalam menjalani kehidupan seterusnya.

Dipetik daripada Haryanto (2008).

Berdasarkan pemahaman di atas, mungkin lirik lagu “Bila diri ini disayangi” nyanyian kumpulan terkenal era 90-an iaitu *Ukays* boleh juga dikatakan sebagai menyampaikan mesej akidah. Liriknya adalah seperti berikut:-

Jadual 3 Lirik lagu Bila diri ini disayangi

Lirik lagu	Unsur akidah	Keterangan
“Tiada batasan waktu, tiada tempat Mu tertentu” “Di gunung di lembah, di darat, di air” “Siapa pun hamba, keikhlasan doa, keagungan kasih merubah takdir”	Menyatakan bahawa kewujudan Tuhan tidak dibatasi dengan waktu dan tempat.	Kekuasaan Allah S.W.T. meliputi semua makhlukNya tanpa dibatasi dengan waktu dan tempat.

Di Malaysia, penghasilan lirik lagu kategori bukan nasyid yang mempunyai unsur ketuhanan boleh dikategorikan kepada dua, iaitu berkumpulan atau solo. Dan seterusnya pembahagiannya boleh juga dilihat daripada segi lagu-lagu era 90an atau lagu-lagu terkini. Jadual 4 and 5 menunjukkan 10 lagu yang dikatakan sebagai mempunyai unsur ketuhanan mengikut kategori.

Jadual 4 Lagu ketuhanan kategori berkumpulan

Lagu
1. Bila diri ini disayangi (Ukays)
2. Kau satu satuNya (Ukays)
3. Keinsafan (Krabat)
4. Meniti titian usang (Search)
5. Mentari Merah di ufuk timur (Search)
6. Suci dalam debu (Iklim)
7. Asyik (Damasutra)
8. Sufi (Damasutra)
9. Titian perjalanan (XPDC)
10. Maghrib (BPR)

Jadual 5 Lagu ketuhanan kategori solo

Lagu

1. Permaidani (Aris Ariwatan)
 2. KepadaMu Kekasih (M. Nasir)
 3. Kekasih Awal dan Akhir (Jamal Abdillah)
 4. Perjalanan hidup (Ramli Sarip)
 5. Insan (Yantzen)
 6. Doa (Zubir Ali)
 7. Doa (Rahimah Rahim)
 8. KasihMu (Abot)
 9. Tanya Sama itu Hud Hud (M. Nasir)
 10. Penghujung Rindu (Jamal Abdillah)
-

Peranan metafora dalam lirik lagu ketuhanan

Menurut Harun (2017), Kamus Puisi mendefinisikan metafora sebagai gaya bahasa kiasan atau perbandingan. Sifat gaya bahasa ini ringkas, padat, tersusun rapi, dan biasanya terdiri daripada dua perkataan. Satu daripada perkataan itu bersifat konkrit, iaitu nyata dan menjadi objek untuk difikirkan. Satu perkataan lagi bersifat abstrak (mujarad), iaitu tidak nyata, yang menjadi pembanding. Misalnya karya lagu S.Amin Sahab yang menggunakan perkataan tabir. Kata ‘tabir’ digunakan di dalam seni kata lagu *Di Balik Cermin Mimpi*, *Penghujung Rindu* dan *Di Pintu Mahligai*.

*dengan tersingkapnya **tabir siang** (Di Balik Cermin Mimpi)*

*bila kekasih menyingkap **tabir cinta** (PENGHujung Rindu)*

*aku menanti singkapan **tabir cinta** (Di Pintu Mahligai)*

Tabir yang dimaksudkan ini lebih menjurus kepada pengalaman kerohanian yang diselindungi oleh Allah, kepada seorang manusia yang menempuh jalan menuju-Nya. Manakala metafora ‘tabir cinta’ pula, membawa maksud bahawa penulis lirik menunggu dan berharap agar Allah memberikan hidayah dan nur kepadanya, lalu dibukakan hijab yang selama ini membatasi rasa kasih cintanya kepada Allah SWT (Harun 2017). Manakala dalam lagu “Bila diri ini disayangi” pula, penggunaan bahasa kiasan pada permulaan lirik lagu menjadikan lagu tersebut begitu mengasyikkan walaupun pada hakikatnya apa yang ingin diperkatakan adalah mudah iaitu tentang azan subuh yang berkumandang yang mana menandakan permulaan hari seorang manusia. Rangkap lirik tersebut adalah seperti berikut:-

Terdengar bisikan mesra

Kalimah keramat bermentara

Bermulanya siang berakhir malamku

Tak akan ku jemu menyebut namaMu

Oleh itu, penggunaan metafora dalam lirik lagu boleh dianggap sebagai satu strategi bagi landasan berfikir serta alasan membenarkan sesuatu atas pendapat tertentu kepada orang awam (Syifa 2016). Malah, penggunaan metafora dalam lirik lagu menggambarkan bahawa budaya kita begitu teliti dalam menyatakan sesuatu mesej kepada masyarakat. Tambahan pula, penggunaan metafora ini secara tidak langsung mencerminkan keindahan bahasa melayu secara khususnya.

Kesimpulan

Muzik pada hakikatnya selari dengan kehidupan manusia. Tanpa muzik, kehidupan manusia akan menjadi kelam dan membosankan. Oleh kerana itu, muzik mempunyai peranan yang sangat besar dalam membentuk kehidupan manusia. Seni kata atau lirik lagu memainkan peranan yang penting kepada lagu yang dihasilkan. Lirik yang baik bukan sahaja membawa mesej yang baik malah ianya mampu

mengajak manusia ke arah yang lebih baik. Kajian lalu membuktikan bahawa lirik lagu yang mempunyai mesej dakwah pasti membawa tiga mesej utama iaitu unsur akidah, syariah/ibadah dan akhlak. Secara ringkasnya, unsur-unsur ini mungkin boleh dikaitkan dengan unsur ketuhanan kerana ketiga-tiga unsur ini mempunyai kaitan dengan agama Islam itu sendiri.

Di Malaysia misalnya, banyak karya lagu yang mempunyai unsur ketuhanan walaupun tidak dinyanyikan oleh penyanyi nasyid. Lagu-lagu ini membawa mesej yang baik kerana dipercayai menekankan unsur ketuhanan secara langsung atau tersembunyi. Lagu seperti Bila diri ini disayangi misalnya membicarakan tentang sifat Tuhan yang tidak dibatasi dengan tempat dan waktu. Malah lagu keinsafan pula memperlihatkan tentang keperluan seseorang manusia untuk bertaubat atas dosa-dosa lampau. Oleh itu, apa yang penting dalam sesebuah karya lagu adalah mesej yang ingin disampaikan. Secara umumnya, penggunaan metafora/ kiasan dalam penulisan lirik lagu dianggap sebagai perhiasan kepada mesej yang ingin disampaikan (Syifa 2016). Disamping itu, bahasa yang indah menjadikan lirik lagu yang membawa unsur ketuhanan ini senang untuk didengari. Namun begitu, penggunaan metafora ini kadangkala menjadikan pendengar keliru samada lirik lagu tersebut dikaitkan dengan cinta sesama manusia atau cinta kepada Tuhan. Oleh kerana naluri manusia sentiasa memerlukan hiburan untuk mencari ketenangan dan kedamaian. Maka Islam tidak sekali-kali menghalang penganutnya untuk mendapatkan ketenangan melalui seni muzik. Walaupun begitu, seni muzik itu hendaklah mengikut garis panduan dan selari dengan ajaran Islam (Ab Majid dan Yusof 2008).

Rujukan

- Ab Majid MK, Yusof M (2008) Ke arah memperkasakan Islamisasi seni muzik sebagai satu alternatif: Satu pengamatan awal. *Jurnal Hadhari*, Edisi Khas:105-121.
- Aripudin A, Rizwan MR (2009) Materi dakwah pada grup musik non-religi (analisis isi pesan dakwah dalam lirik lagu Grup Band Gigi pada Album Raihlah Kemenangan). *Jurnal Ilmu Dakwah*, 4 (13): 493-518
- Arrazzaqu MN (2017). Analisis isi pesan dakwah dalam lirik lagu Grup Band Ungu Album "Maha Besar". Unpublished master dissertation, Institut Agama Islam Negeri Salatiga, Indonesia
- Burhanuddin C (2009). Seni musik dalam Tasawuf: Studi kasus terhadap lagu-lagu Dewa 19 pada Album Laskar Cinta. Unpublished dissertation, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, Indonesia
- Harun, HA (2017) Estetika kerohanian dalam seni kata lagu S.Amin Shahab. Unpublished master dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Malaysia
- Haryanto B (2008). Isi pesan dakwah dalam lirik lagu Album Surgamu Group Band Ungu. Unpublished master dissertation, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, Indonesia
[Http://prpm.dbp.gov.my](http://prpm.dbp.gov.my) Akses pada 10 Ogos 2019
- Ismail MA (2017) Lagu kerohanian medium dakwah semasa. Utusan Malaysia. <http://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2017/12/29/lagu-kerohanian-medium-dakwah-semasa/> Akses pada 10 Ogos 2019
- Lovian SAM.P (2019). Analisis isi pesan dakwah dalam lagu band Indie di Indonesia. Unpublished master dissertation, Universitas Muhammadiyah Surakarta, Indonesia
- Mad Daud M, Hamid Z (2017) Pemikiran dalam lirik lagu: Satu analisis makna (The analysis of meaning). *Journal of Education and Social Sciences*, (6)2
- Mustapha AS, Mubarak MZ (2006) Dakwah melalui muzik dan nyanyian: Satu perbincangan. In: Seminar Serantau Dakwah Dan Kesenian, Universiti Kebangsaan Malaysia, pp 101-105
- Ramadhani P P (2019). Pesan dakwah Grup Band Wali dalam syair lagu "Tobat Maksiat" dan "Bocah Ngapa Yak" (Analisis wacana model Teun A. Van Dijk). Unpublished master dissertation, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, Indonesia
- Samsuri (2016). Pesan dakwah dalam album "Salam Rindu Ya Musthofa" karya Opick. Unpublished master dissertation, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Palangka Raya, Indonesia
- Sanusi ES, Muhamed R (2017) Analisis terhadap peranan nasyid dalam dakwah. *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, 16(2): 227-242.
- Sharif S (2018) Mungkin ramai yang tidak tahu, adakah muzik haram di sisi Islam?.
<https://says.com/my/seismik/islam-dan-seni-muzik> Akses pada 10 Ogos 2019
- Sujatmiko B, El Ishaq R (2015) Pesan dakwah dalam lagu "Bila Tiba". *Jurnal Komunika*, 9(2): 1978 – 1261
- Syifa HI (2016) Pesan dakwah dalam lirik lagu Ebiet G. Ade. *Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam*, 1: 105-128